

**ANALISIS SIRAH NABI SAW DALAM BUKU TEKS
PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN SATU
DI MALAYSIA BERDASARKAN *MANHAJ
AL-MUḤADDITHĪN***

FADZLAN BIN ABD KADIR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

**ANALISIS SIRAH NABI SAW DALAM BUKU TEKS
PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN SATU
DI MALAYSIA BERDASARKAN *MANHAJ
AL-MUḤADDITHĪN***

oleh

FADZLAN BIN ABD KADIR

**Tesis Ini Diserahkan Untuk
Memenuhi Keperluan Bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

September 2024

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur bagi Allah SWT yang daripadanya segala kebaikan dan miliknya segala kemuliaan. Selawat dan salam ke atas Nabi SAW yang membawa petunjuk kepada jalan kebenaran, serta buat keluarganya yang tercinta, para Sahabat yang mulia, dan orang-orang yang berusaha mengikuti mereka di atas jalan yang lurus dan sejahtera.

Dalam kesempatan ini pengkaji ingin melahirkan jutaan terima kasih buat penyelia, YBhg. Profesor Madya Dr. Roshimah binti Shamsudin atas segala ilmu dan bimbingan yang dicurahkan sepanjang usaha menyelesaikan penulisan ini. Seterusnya, terima kasih kepada semua barisan pensyarah dan kakitangan, rakan-rakan seperjuangan, para responden, dan semua pihak yang terlibat dalam kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tidak lupa juga buat YBhg. Ustaz Lokman dan YBhg. Ustaz Fadzilan daripada PPD LMS serta barisan pentadbir dan rakan-rakan guru di SKBS dan SKSA yang memahami dan memberikan sokongan. Semoga Allah SWT memberkati segala usaha dan memberikan sebaik-baik ganjaran.

Penghargaan khusus dan teristimewa ingin pengkaji ungkapkan buat mak dan abah yang melahirkan dan membesarkan, serta sentiasa mendoakan kebaikan dan kejayaan. Begitu juga buat isteri penyuntik semangat penyubur aspirasi, serta anak yang menjadi sumber inspirasi. Seterusnya kepada semua ahli keluarga, terutamanya Kak Yang dan Abang Man yang selalu melahirkan kata-kata semangat untuk meneruskan perjuangan. Semoga perjalanan mencari ilmu ini berterusan, dan sentiasa berakhir dengan kebaikan.

"اللهم إني أسألك علما نافعا ورزقا طيبا وعملا متقبلا"

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين، والحمد لله رب العالمين.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI KEPENDEKAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
PANDUAN TRANSLITERASI	xi
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	3
1.3 Persoalan Kajian.....	8
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian.....	8
1.6 Skop dan Batasan Kajian.....	9
1.7 Kajian Terdahulu.....	11
1.8 Metodologi Kajian	20
1.9 Penutup	34
BAB 2 MANHAJ AL-MUḤADDITHĪN DALAM MENGANALISIS RIWAYAT-RIWAYAT SIRAH	35
2.1 Pendahuluan	35
2.2 Definisi <i>Manhaj al-Muḥaddithīn</i> , Analisis dan <i>al-Sīrah al-Nabawīyyah</i>	37
2.2.1 Definisi <i>Manhaj al-Muḥaddithīn</i>	37
2.2.2 Definisi Analisis	40

2.2.3	Definisi <i>al-Sīrah al-Nabawīyyah</i>	41
2.3	Tinjauan Terhadap Penulisan Sirah Zaman Awal	43
2.3.1	Latar Belakang Pembentukan dan Penulisan Ilmu Sirah	43
2.3.2	Manhaj Penulisan Sirah Zaman Awal.....	49
2.4	Penyelewengan dan Kesilapan dalam Riwayat.....	54
2.4.1	Punca Penyelewengan dalam Riwayat.....	55
2.4.2	Punca Kesilapan dalam Riwayat	60
2.4.3	Tanda-Tanda Terdapatnya Penyelewengan Riwayat	61
2.4.4	Kesan Kesilapan dan Penyelewengan dalam Riwayat	71
2.5	Manhaj Kritikan <i>Muḥaddithīn</i> Terhadap Riwayat Sirah.....	75
2.5.1	Sumber Ilmu Sirah.....	75
2.5.2	Asas <i>Manhaj al-Muḥaddithīn</i>	82
2.5.3	Manhaj Kritikan <i>Muḥaddithīn</i>	89
2.5.4	<i>Manhaj al-Muḥaddithīn</i> dalam Menganalisis Riwayat Sirah	125
2.5.5	Hubungan antara <i>‘Ilm al-Takhrīj</i> dan Manhaj Kritikan <i>Muḥaddithīn</i> ..	140
2.6	Penutup.....	143
BAB 3	PENJAGAAN KUALITI DALAM PENGHASILAN BUKU TEKS DI	
	MALAYSIA.....	145
3.1	Pendahuluan	145
3.2	Definisi Buku Teks.....	146
3.3	Sejarah Buku Teks di Malaysia.....	148
3.3.1	Sebelum Merdeka	148
3.3.2	Selepas Merdeka	149
3.4	Dasar Buku Teks di Malaysia.....	153
3.4.1	Dasar Kurikulum Buku Teks	154
3.4.2	Dasar Penerbitan Buku Teks.....	158
3.4.3	Dasar Penggunaan Buku Teks.....	161
3.4.4	Dasar Pinjaman Buku Teks	163

3.5	Kepentingan Buku Teks dalam Pendidikan.....	164
3.5.1	Kedudukan Buku Teks	166
3.5.2	Peranan Buku Teks.....	168
3.5.3	Kesan Penggunaan Buku Teks	170
3.6	Penjagaan Kualiti Buku Teks	172
3.6.1	Penjagaan Kualiti dalam Penghasilan Buku Teks.....	173
3.6.2	Standard Kualiti Buku Teks	177
3.6.3	Kriteria Kualiti Buku Teks	183
3.7	Penjagaan Kualiti Buku Teks di Malaysia	192
3.7.1	Penjagaan Kualiti dalam Penghasilan Buku Teks di Malaysia	192
3.7.2	Aspek-Aspek Penjagaan Kualiti Buku Teks di Malaysia	217
3.7.3	Cabaran Terhadap Penjagaan Kualiti Buku Teks	231
3.7.4	Penambahbaikan Terhadap Proses Penjagaan Kualiti dalam Penghasilan Buku Teks.....	237
3.8	Penutup.....	242
 BAB 4 ANALISIS STATUS FAKTA-FAKTA SIRAH NABI MUHAMMAD SAW DALAM BUKU TEKS PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN SATU BERDASARKAN MANHAJ AL-MUḤADDITHĪN		
4.1	Pendahuluan	244
4.2	Latar Belakang Bidang Sirah dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu.....	246
4.3	Analisis Sirah Nabi SAW dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu Berdasarkan <i>Manhaj al-Muḥaddithīn</i>	248
4.3.1	Biodata Nabi SAW.....	248
4.3.2	Peristiwa penting sebelum kerasulan	331
4.3.3	Peristiwa perdagangan dan perkahwinan Nabi SAW.....	383
4.3.4	Peristiwa peletakan Ḥajar al-Aswad	404
4.3.5	Peristiwa penerimaan wahyu pertama.....	413

4.3.6	Peristiwa <i>Isrā'</i> dan <i>Mi'rāj</i>	431
4.3.7	Peristiwa hijrah ke Madinah dan pembentukan negara Islam.....	449
4.3.8	Kewafatan Nabi SAW.....	474
4.4	Analisis Keseluruhan.....	482
4.4.1	Jadual Status Hadith yang Digunakan dalam Analisis dan Status Fakta yang Dianalisis Berdasarkan Manhaj <i>Muḥaddithīn</i> :.....	483
4.4.2	Rumusan Status Hadith yang Digunakan dalam Kajian dan Status Fakta yang Dianalisis Berdasarkan Manhaj <i>al-Muḥaddithīn</i> :.....	490
4.4.3	Rajah Bagi Rumusan Status Hadith yang Digunakan dalam Kajian dan Status Fakta yang Dianalisis Berdasarkan Manhaj <i>al-Muḥaddithīn</i> :..	491
4.5	Penutup.....	492
BAB 5 PENUTUP.....		493
5.1	Pendahuluan.....	493
5.2	Dapatan Kajian.....	493
5.2.1	Manhaj <i>Muḥaddithīn</i> dalam Menganalisis Riwayat-Riwayat Sirah	493
5.2.2	Penjagaan Kualiti dalam Penghasilan Buku Teks di Malaysia.....	497
5.2.3	Status Fakta-Fakta Sirah Nabi SAW dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu Berdasarkan <i>Manhaj al-Muḥaddithīn</i>	501
5.3	Saranan Kajian.....	509
5.3.1	Saranan kepada Penyelidik.....	510
5.3.2	Saranan kepada Pihak KPM.....	511
5.3.3	Saranan kepada Masyarakat Awam.....	513
5.4	Penutup.....	514
BIBLIOGRAFI.....		515
LAMPIRAN		
SENARAI PENERBITAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1	Contoh jadual penerbitan buku teks206
Jadual 4.1	Analisis fakta sirah mengikut status hadith dan status fakta483
Jadual 4.2	Petunjuk berkaitan status fakta489
Jadual 4.3	Rumusan umum..... 490
Jadual 4.4	Rumusan jumlah sumber yang digunakan dalam analisis berdasarkan status 490
Jadual 4.5	Rumusan jumlah fakta berdasarkan kategori..... 490
Jadual 5.1	Status fakta-fakta sirah Nabi SAW dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu berdasarkan manhaj <i>muḥaddithīn</i>501

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Proses analisis data kualitatif.....31
Rajah 4.1	Salasilah keluarga Nabi Muhammad SAW.....248
Rajah 4.2	Carta bar rumusan jumlah sumber yang digunakan dalam analisis berdasarkan status491
Rajah 4.3	Carta pai rumusan jumlah fakta berdasarkan kategori.....491

SENARAI KEPENDEKAN

Bil.	Bilangan
Dr.	Doktor
H	Hijrah
h.	Halaman
j.	Jilid / <i>juz'</i>
Ibn	Ibnu
M	Masihi
c.	Cetakan
Ibid.	Ibidem : Rujukan Sebelum
Prof.	Profesor
RA	<i>Raḍiyallāh ‘anh</i>
AS	<i>‘Alayh al-Salām</i>
SAW	<i>Sallallāh ‘Alayh wa Sallam</i>
SWT	<i>Subḥānahū wa Ta‘āla</i>
(t.t.)	Tanpa Tarikh
T.T.P.	Tanpa Tempat Penerbitan
T.P.	Tanpa Penerbit
(terj.)	Terjemahan
(t.)	Pentahkik

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran 1	Halaman sirah Nabi Muhammad SAW dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu543
Lampiran 2	Surat pengesahan penyelia551
Lampiran 3	Surat permohonan mengadakan temu bual552
Lampiran 4	Surat kebenaran melaksanakan temu bual.....553
Lampiran 5	Surat permohonan panel penilai protokol temu bual554
Lampiran 6	Borang penilaian dan pengesahan protokol temu bual555
Lampiran 7	Matriks pengumpulan data temu bual567

PANDUAN TRANSLITERASI

Ejaan dan Transliterasi:

Ejaan yang digunakan adalah mengikut daftar ejaan rumi baru Bahasa Malaysia (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Ejaan yang berkaitan dengan bahasa Arab digunakan mengikut pedoman transliterasi huruf Arab ke huruf rumi (1988), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Pengecualian daripada menggunakan pedoman itu bagi kes-kes berikut :

1. Bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan "ة" (*tā' marbūṭah*) dibunyikan mengikut sebutan "o".
2. *Tanwīn* dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contoh: *sur'ah* = (سرعة), *dabbara* = (دبر) dan *sā'ah* = (ساعة)
3. *Alif Lām* (ال) ditransliterasikan sebagai al (sama ada bagi *Lām Syamsiyyah* atau *Lām Qamariyyah*) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. "a" dalam "al" hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Malaysia. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.
4. Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum Bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan Bahasa Malaysia.

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut :

a. Konsonan:

KONSONAN					
Huruf Arab	Huruf Jawi	Huruf Arab	Huruf Jawi	Huruf Arab	Huruf Jawi
ا	a	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	j	ش	sy	ل	g
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	و	w
خ	kh	ظ	ẓ	ه	h
د	d	ع	‘	ء	‘
ذ	dh	غ	gh	ي	y
ر	r	ف	f		

b. Vokal:

KONSONAN					
Vokal panjang		Vokal pendek		Diftong	
ا	ā	_____	a	او	aw
و	ū	_____	u	اي	ay
ي	ī	_____	i	يَي	iy

Sumber: Berdasarkan Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Jawi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998.

Catatan :

Istilah atau perkataan yang berasal daripada perkataan Bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum Bahasa Melayu adalah dieja mengikut perkataan Bahasa Melayu.

**ANALISIS SIRAH NABI SAW DALAM BUKU TEKS PENDIDIKAN ISLAM
TINGKATAN SATU DI MALAYSIA BERDASARKAN *MANHAJ AL-MUḤADDITHĪN***

ABSTRAK

Penyelidikan yang dijalankan ini adalah mengkaji fakta-fakta sirah yang terkandung dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu berdasarkan manhaj *muḥaddithīn*. Kajian ini antaranya bertitik tolak daripada terdedahnya fakta-fakta yang terkandung dalam sirah Nabi SAW kepada kesalahan yang sebahagiannya disebabkan tidak beriltizam dengan asas manhaj kritikan yang teguh. Selain itu, beberapa analisis dan kritikan ke atas buku teks sebelum ini menunjukkan bahawa buku teks juga tidak terjamin bebas daripada kesalahan termasuklah berkaitan ilmu sirah. Justeru kajian ini berusaha menganalisis sirah Nabi SAW berdasarkan manhaj *muḥaddithīn* sebagai manhaj yang teguh berteraskan prinsip al-Quran dan al-Sunnah. Kajian ini menjadikan fakta sirah dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu sebagai fokus dengan menggariskan beberapa objektif iaitu mengkaji manhaj *muḥaddithīn* dalam menganalisis riwayat sirah, mengkaji proses penjagaan kualiti buku teks dan menganalisis fakta-fakta sirah dalam buku teks tersebut berdasarkan manhaj *muḥaddithīn*. Pengumpulan data bagi kajian ini melibatkan dua metode iaitu kajian kepustakaan dan temu bual. Metode analisis data yang digunakan pula adalah metode induktif, metode perbandingan dan manhaj *muḥaddithīn*. Kajian mendapati bahawa *muḥaddithīn* bersikap *tasāhul* dalam kritikan terhadap riwayat sirah yang tidak berkaitan dengan akidah dan hukum-hakam. *Muḥaddithīn* juga mengiktiraf kedudukan ulama sirah dan ilmu mereka. Selain itu, antara sifat riwayat sirah adalah terdapatnya fakta yang tidak disokong oleh riwayat yang sahih, namun disepakati kesahihannya oleh para ulama. Kajian juga mendapati bahawa proses penjagaan kualiti buku teks merangkumi pelbagai fasa penghasilan dan meliputi empat aspek utama iaitu kandungan, bahasa, persembahan serta latihan dan aktiviti. Hasil analisis terhadap fakta sirah dalam buku teks menunjukkan tahap ketepatan

fakta yang tinggi selain terdapat beberapa fakta yang dicadangkan untuk semakan dan pembetulan. Dapatan-dapatan ini memerlukan perhatian dan tindakan oleh pihak yang berkaitan bagi memastikan kualiti pendidikan dapat dilestarikan.

**AN ANALYSIS OF THE SIRAH OF PROPHET PBUH IN FORM ONE ISLAMIC
EDUCATION TEXTBOOK IN MALAYSIA BASED ON *MANHAJ AL-
MUḤADDITHĪN***

ABSTRACT

This research aims to analyze the content on the topic of Sirah in the Form One Islamic Education textbook based on the manhaj (methodology) of the *muḥaddithīn*. This study is predicated, among other things, on the disclosure of mistakes related to the Sirah of Prophet SAW, which can be partly attributed to a lack of adherence to the strict method of criticism. Furthermore, several prior analyses and critiques of textbooks demonstrate that there is no guarantee that textbooks are error-free, even when it comes to the subject of Sirah. Therefore, this study attempts to analyze the Prophet SAW's Sirah using the *muḥaddithīn's* manhaj as a reliable method based on the Sunnah and the Quran. This study outlines multiple objectives, including studying the *muḥaddithīn's* method for analyzing the narration of Sirah, examining the process of maintaining the quality of textbooks, and analyzing the facts of Sirah in the textbook based on the manhaj of the *muḥaddithīn*. The study focuses on the content of Sirah in the Form One Islamic Education textbook. The two methods for data collection employed in this study were interviews and literature research. The data was then analyzed using the inductive and comparative methods, as well as the method of the *muḥaddithīn*. The study discovered that the *muḥaddithīn* acted in a *tasāhul* manner when they criticized the narrations of Sirah that were not related to *'aqīdah* and religious rulings. *Muḥaddithīn* also acknowledged the status and expertise of the scholars of Sirah. Furthermore, certain narrations are accepted even though they are not backed up by an authentic narrative when there is consensus among the scholars. Additionally, the study discovered that the textbook quality assurance process involves multiple stages of production and encompasses four primary elements: content, language, presentation, and training and activities. An

analysis of the facts in the textbook yielded results that indicated both a high degree of factual accuracy and some facts that needed to be reviewed and corrected. These findings call for the attention and action of pertinent parties to guarantee the highest standards of education.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Perjalanan hidup Rasulullah SAW sebagai Nabi akhir zaman sentiasa menjadi perhatian umat manusia.¹ Dunia menyaksikan keagungan kisah dakwah Baginda SAW yang dirakamkan dalam penulisan-penulisan riwayat hidup Baginda SAW. Sebagai umat Islam, menelusuri kisah dan riwayat hidup Baginda SAW memiliki nilai dan erti yang sangat besar dalam kehidupan. Kenyataan ini dapat dilihat dalam firman Allah SWT seperti berikut:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

2

Maksudnya: "Demi sesungguhnya, kisah Nabi-Nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-Nabi yang terkandung dalam Al-Quran) Ia bukanlah cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut dalam kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan setiap sesuatu, serta menjadi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman."³

Ayat ini menjelaskan bahawa terdapat pengajaran yang terkandung dalam kisah-kisah para Nabi AS dalam al-Quran dan ini termasuk kisah Nabi Muhammad SAW sendiri yang juga disebut sebagai sirah.⁴ Menurut Muṣṭafā al-Sibā'iy (w. 1384H) dalam kitabnya *al-Sīrah al-Nabawīyyah: Durūs wa 'Ibar*, antara keistimewaan yang terkandung dalam sirah Nabi SAW ialah ia merupakan sejarah yang paling sahih dan

¹ 'Abd al-Laṭīf, 'Abd al-Syāfi Muḥammad (2008). *Al-Sīrah al-Nabawīyyah wa al-Tārīkh al-Islāmiy*, Kaherah: Dār al-Salām, h. 18.

² Surah Yūsuf 12: 111

³ Terjemahan ayat al-Quran dalam penulisan tesis ini adalah berdasarkan terjemahan Abdullah Muhammad Basmeih dan diharmonikan maknanya oleh pengkaji.

⁴ Al-Rūqiy, 'Abdullah bin Māni' (2010). *Al-Ta'liq 'Ala al-Raḥīq al-Makhtūm*, Iskandariah: al-Dār al-Ālamiyyah, h. 5.

disampaikan melalui jalan ilmu yang paling benar. Selain itu, sirah Rasulullah SAW memperlihatkan perjalanan seorang insan yang dimuliakan oleh Allah SWT dengan sifat kerasulan tanpa terkeluar sedikit pun dari sifat seorang manusia biasa dalam keadaan tiada suatu apa pun yang mencemarkan kemuliaan peribadi Baginda SAW. Bahkan sirah ini sendiri menjadi bukti yang jelas terhadap kebenaran kerasulan dan kenabian Baginda SAW.⁵

Lantaran besarnya keistimewaan sirah Nabi SAW, kepentingan dan keutamaan mempelajarinya juga tidak dapat dinafikan lagi. Sa'īd Ramaḍān al-Būṭiy (w. 1434H) dalam kitab *Fiqh al-Sīrah al-Nabawīyyah* menjelaskan lima kepentingan mempelajari sirah. Antaranya ialah mengenali peribadi Rasulullah SAW, mengetahui contoh teladan terbaik dalam setiap urusan kehidupan, membantu memahami kitab Allah dan meningkatkan kemampuan memahami ilmu berkaitan akidah, hukum dan akhlak.⁶ Justeru, para sahabat dan *salaf al-ṣāliḥ* sangat mengambil berat terhadap sirah Nabi SAW. Mereka mempelajari sirah, menghafal dan mengajarkan kepada anak mereka sebagaimana mereka mengajarkan surah-surah dalam al-Quran.⁷

Pentingnya ilmu sirah mendorong para ulama mengumpulkan riwayat sirah, menulis ilmu sirah dan memurnikan penulisan sirah. Kajian ini adalah usaha kecil pemurnian sirah yang memfokuskan penulisan sirah yang terdapat dalam buku teks. Usaha ini diharapkan dapat menjadi pemangkin dalam meningkatkan kualiti bahan sirah melalui semakan terhadap penulisan sirah khususnya di Malaysia yang terdapat dalam pelbagai bentuk. Usaha pemurnian sirah daripada sudut memastikan kesahihannya amat penting supaya ummah dapat melihat perjalanan hidup Nabi Muhammad SAW dalam rupa dan gambarannya yang sebenar.

⁵ Al-Sibā'iy, Muṣṭafā (1985). *Al-Sīrah al-Nabawīyyah: Durūs wa 'Ibar*, Beirut: Al-Maktab al-Islāmiy, h. 15-23.

⁶ Al-Būṭiy, Muhammad Sa'īd Ramaḍān (2004), *Fiqh al-Sīrah al-Nabawīyyah*. Kaherah: Dār al-Salām, h. 15-16.

⁷ Abū Syahbah, Muḥammad bin Muḥammad (1992). *Al-Sīrah al-Nabawīyyah fī Ḍau' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, Damsyik: Dār al-Qalam, j.1, h. 8.

1.2 Permasalahan Kajian

Berdasarkan latar belakang kajian, pengkaji telah menggariskan tiga permasalahan utama iaitu seperti berikut:

1.2.1 Fakta-fakta yang terkandung dalam penulisan sirah terdedah kepada kesilapan dan kesalahan. Menurut Muḥammad bin Ṣāmil al-Salmiy, terdapat banyak penyelewengan dan kesalahan dalam sejarah Islam secara umumnya. Sebahagian daripada punca berlakunya penyelewengan dan kesalahan ini kemungkinan disebabkan terdapatnya niat buruk dan keinginan untuk menyeleweng dalam kalangan musuh Islam. Sebahagian yang lain pula kemungkinan berpunca daripada tidak beriltizam dengan *uṣūl manhaj* dalam pemikiran dan persepsi, serta *uṣūl manhaj* dalam mengkritik dan mentahkik.⁸ Justeru, punca berlakunya kesilapan atau kesalahan dalam fakta sirah boleh dilihat daripada dua faktor utama iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran adalah serangan oleh musuh-musuh Islam seperti golongan orientalis terhadap ilmu sirah manakala faktor dalaman adalah kesilapan dalam penulisan para sarjana Islam sendiri.

Merujuk kepada faktor luaran, tidak dapat dinafikan wujudnya campur tangan dan penglibatan golongan orientalis dalam pelbagai bidang ilmu Islam termasuklah daripada aspek sejarah. Berlatarbelakangkan permusuhan mereka terhadap Islam rentetan kekecewaan mereka dalam peperangan salib, mereka beralih kepada serangan berbentuk pemikiran dengan mengkaji ilmu-ilmu Islam.⁹ Ramai dari kalangan orientalis yang menulis berkaitan sirah terutamanya golongan missionari kristian yang sentiasa menyimpan dendam kepada Islam dan Nabi SAW.¹⁰ Mereka mengatakan ke atas Nabi SAW dakwaan-dakwaan yang batil. Sandaran bagi tohmahan-tohmahan mereka adalah sama ada kepada riwayat-riwayat palsu yang

⁸ Al-Salmiy, Muḥammad bin Ṣāmil (2008). *Manhaj Kitābah al-Tārikh al-Islāmiy*, Riyadh: Dār Ibn al-Jawziy, h. 13-14.

⁹ Mohd. Muhiden Abd Rahman (1997). "Pandangan Orientalis Terhadap al-Hadith dan Jawapannya Dari Persepektif Islam", *Jurnal Usuluddin*, Bahagian Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya, bil. 5, h. 76.

¹⁰ Abū Syahbah, *al-Sīrah al-Nabawiyah*, h. 38.

dianggap sahih, atau riwayat-riwayat sahih yang diselewengkan daripada hakikatnya, ataupun hanya sangkaan-sangkaan yang diada-adakan.¹¹ Selain itu, terdapat juga penyelewengan fakta daripada musuh-musuh Islam yang bersembunyi dalam kalangan umat Islam. Mereka adalah *ahl al-ahwā'* yang antaranya terdiri daripada golongan Syiah. Syiah memainkan peranan yang besar dalam pembentukan sejarah Islam yang mana sebahagian daripada mereka merupakan golongan yang melampau dan digelar sebagai *Rāfiḍah*. Mereka berusaha menyelewengkan sejarah Islam dengan tujuan untuk merosakkan agama.¹²

Punca kedua berlakunya kesilapan fakta dalam ilmu sirah adalah kerana tidak beriltizam dengan *uṣūl manhaj*. Menurut Akram Ḍiyā' al-'Umari, manhaj yang digunakan oleh para ulama dalam penulisan sirah boleh dibahagikan kepada tiga. Pertama, bentuk penulisan ahli sejarah yang mengutamakan penyusunan peristiwa sejarah berdasarkan masa dan tajuk seperti yang dilakukan oleh al-Wāqidiy (w. 207H) dan al-Balādhuriy (w. 279H). Kedua, bentuk penulisan golongan *muḥaddithīn* seperti al-Bukhāriy (w. 256H) dan Muslim (w. 261H) dalam kitab-kitab *ṣaḥīḥ* mereka. Ketiga, bentuk penulisan yang menggabungkan manhaj ahli sejarah dan manhaj golongan *muḥaddithīn* seperti yang dilakukan oleh Muḥammad bin Ishāq (w. 151H), Khalīfah bin Khayyāt (w. 240H), Ya'qūb bin Sufyān (w. 277H) dan Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabariy (w. 310H).¹³

Ini memperlihatkan bahawa terdapat pelbagai manhaj penulisan sirah yang diikuti oleh para ulama selain daripada manhaj *muḥaddithīn* yang amat memelihara kesahihan riwayat. Justeru, faktor ini dan faktor luaran yang telah disebutkan sebelum ini dilihat menjadi penyumbang kepada kesilapan dan kesalahan dalam ilmu sirah. Bagi mengatasi masalah ini, al-Salmiy mencadangkan dua perkara penting yang

¹¹ *Ibid*, h. 14-15.

¹² Muḥammad Nūr Waliy, 'Abd al-'Azīz (1995). *Athar al-Tasyayyu' 'ala al-Riwāyāt al-Tārikhiyyah*, Islam Kutub, h. 3.

¹³ Al-'Umariy, Akram Ḍiyā' (1994). *Al-Sīrah al-Nabawiyyah al-Ṣaḥīḥah*, Madinah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥikam, j.1, h. 11.

perlu dilakukan iaitu mentahkik riwayat sejarah berdasarkan neraca kritikan yang diikuti oleh golongan *muhaddithin*, dan merumuskan sejarah Islam dan pengajarannya berdasarkan tasawwur Islam yang benar.¹⁴ Usaha ini memerlukan pengetahuan yang jelas terhadap manhaj *muhaddithin* dalam melakukan kritikan terhadap riwayat sejarah.

Bertitik tolak daripada permasalahan ini, pengkaji merumuskan bahawa objektif pertama yang mendasari kajian ini adalah mengenal pasti manhaj *muhaddithin* dalam menganalisis riwayat-riwayat sirah.

1.2.2 Penulisan, fakta dan bahan dalam buku teks tidak terjamin bebas daripada sebarang kesilapan. Hasil daripada kajian yang pernah dilaksanakan terhadap buku teks mendapati beberapa kelemahan dalam aspek kandungan, latihan, sensitiviti, nilai, persembahan dan lain-lain.¹⁵ Dalam suatu kajian berkaitan cabaran dalam penyediaan buku teks terhadap ahli-ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA), antara permasalahan yang timbul daripada sudut gerak kerja penghasilan buku teks ialah tempoh penghasilan skrip yang tidak mencukupi, polisi dan panduan penerbitan yang tidak jelas dan lain-lain.¹⁶ Dapatan kajian oleh Rosmawati Jamaluddin berkenaan analisis kandungan buku teks tingkatan lima menyatakan bahawa penerbitan buku teks masih mengandungi banyak kelemahan iaitu selain daripada aspek persembahan penulisan, kelemahan juga terdapat pada aspek ketepatan fakta dan aspek kandungan yang tidak lengkap.¹⁷

¹⁴ Al-Salmiy, *Manhaj Kitābah al-Tārikh al-Islāmiy*, h. 14.

¹⁵ Mohd. Nazri, Norlidah Alias, Saedah Siraj, Zaharah Hussin (2013). "*Inovasi dan Kreativiti Dalam Rekabentuk Buku Teks Sekolah Menengah: Aplikasi Pendekatan Interpretive Structural Modeling (ISM)*", Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, Bil. 1, h. 1.

¹⁶ Md. Sidin Ahmad Ishak (2009). "*Perspektif Penerbit tentang Isu-isu Kritikal dalam Penyediaan dan Pembekalan Buku Teks Sekolah di Malaysia*", Jurnal Pengajian Media Malaysia, bil. 11, h. 108.

¹⁷ Rosmawati binti Jamaluddin (2001), "*Analisis Kandungan Buku Teks Mata Pelajaran Teras Tingkatan 5 (KBSM): Kajian Terhadap Aspek Persembahan*" (Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya), h. 111.

Sebelum ini, berlaku banyak kes yang memperlihatkan terdapatnya kesilapan dalam isi kandungan buku teks. Pada tahun 2016, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk menyiasat mengenai kesilapan yang berlaku dalam buku teks sejarah bagi tahun enam untuk kegunaan sekolah kebangsaan. Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Dr Awang Sariyan berkata, lebih 400,000 naskhah buku teks terpaksa dicetak semula yang menelan kos lebih kurang RM 3 juta.¹⁸ Sementara itu pada tahun 2017, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) diminta supaya segera mengambil tindakan untuk membetulkan kesilapan dalam modul aktiviti integrasi Buku Teks Pendidikan Moral Tahun Satu yang menggunakan kata 'magsukul' dalam Bahasa Kadazandusun apabila mengucapkan 'terima kasih'.¹⁹

Berkaitan sirah, kritikan pernah dilakukan oleh Muhammad Asri Yusoff dalam sebuah video bertajuk, "*Maulana Asri: Teguran suci dan jujur tentang kesilapan sirah dalam buku teks Pendidikan Islam Tahun Satu*" yang dimuatkan di Youtube pada tahun 2015.²⁰ Video tersebut adalah berkenaan dengan kesilapan yang terkandung dalam buku teks tahun satu ketika itu pada aspek tanda-tanda kelahiran Nabi Muhammad SAW. Beliau menegur tentang kewujudan kisah-kisah yang bersumber daripada riwayat-riwayat yang palsu berhubung dengan peristiwa kelahiran Nabi Muhammad SAW.

Isu-isu dan kritikan-kritikan ini menunjukkan bahawa buku teks juga boleh berlaku kesilapan. Justeru, pengkaji melihat perlunya melakukan penelitian kepada perkara yang mungkin menjadi kekangan terhadap penjagaan kualiti dalam penghasilan buku teks di samping membantu usaha pihak-pihak yang terlibat dalam

¹⁸ Mstar, <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/01/06/kesalahan-buku-teks-disiasat>, 6 Januari 2016.

¹⁹ Astroawani, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpm-diminta-betulkan-kesilapan-dalam-buku-teks-pendidikan-moral-tahun-1-133079>, 20 Februari 2017.

²⁰ Youtube, <https://www.youtube.com>, 11 May 2015.

meningkatkan kualiti buku teks. Secara ringkasnya, keperluan ini menuntut usaha mengkaji tentang penghasilan buku teks di Malaysia dari aspek penjagaan kualiti.

1.2.3 Tinjauan awal oleh pengkaji mendapati sirah Nabi SAW dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu turut mengandungi fakta yang diperselisihkan, khususnya dalam kalangan ulama mutakhir ini. Contohnya adalah isu berkaitan tarikh kelahiran Rasulullah SAW yang dinyatakan sebagai 12 *Rabī' al-Awwal* tahun Gajah, bersesuaian dengan riwayat Ibn Ishāq.²¹ Tarikh kelahiran Rasulullah SAW ini tidak disepakati oleh para ulama. Ibn Kathīr (w. 774H) dalam kitab sirah beliau telah menukilkan beberapa pendapat berkenaan dengan tarikh kelahiran Baginda SAW iaitu pada 2, 8, 10, 12, 17 dan hari kelapan terakhir dari bulan *Rabī' al-Awwal*. Beliau menyatakan bahawa pandangan yang masyhur menurut jumbuh adalah pada 12 *Rabī' al-Awwal*.²² Al-Mubārakfūriy (w. 1427H) dalam kitab beliau *al-Raḥīq al-Makhtūm* pula memilih pendapat 9 *Rabī' al-Awwal* Tahun Gajah sebagai tarikh kelahiran Baginda SAW berdasarkan perkiraan seorang ahli falak iaitu Maḥmūd Bāsyā.²³

Wujudnya kepelbagaian pendapat berkaitan tarikh kelahiran tersebut menjelaskan bahawa tarikh kelahiran Nabi SAW bukan suatu fakta yang disepakati. Ini menunjukkan tentang terdapatnya keperluan untuk menganalisis fakta-fakta sirah Nabi SAW dalam buku teks ini bagi menjelaskan statusnya dari sudut pandang golongan *muḥaddithīn*. Oleh itu, permasalahan yang perlu dijawab adalah mengenai kedudukan fakta-fakta sirah Nabi SAW yang terdapat dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu jika dianalisis menggunakan *manhaj al-muḥaddithīn*.

²¹ Ibn Hisyām, 'Abd al-Malik (2009). *Al-Sīrah al-Nabawīyyah li Ibn Hisyām*, Beirut: Dār Ibn Ḥazm, c. 2, h. 76.

²² Ibn Kathīr, Ismā'īl bin 'Umar (1997). *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Beirut: Dār Hijr, j. 3, h. 374-376.

²³ Al-Mubārakfūriy, Ṣafiyy al-Raḥmān (2007). *Al-Raḥīq al-Makhtūm*, Qatar: Wizārah al-Auqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, h. 54.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan-permasalahan kajian, pengkaji telah mengenal pasti beberapa persoalan kajian yang perlu dijawab iaitu seperti berikut:

- i. Bagaimanakah *manhaj al-muḥaddithīn* dalam menganalisis riwayat-riwayat berkaitan *al-Sīrah al-Nabawīyyah*?
- ii. Bagaimanakah penghasilan buku teks di Malaysia dari sudut penjagaan kualiti?
- iii. Apakah status fakta-fakta sirah Nabi SAW yang terdapat dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu berdasarkan *manhaj al-muḥaddithīn*?

1.4 Objektif Kajian

Objektif yang digariskan bagi kajian ini ialah:

- i. Mengkaji *manhaj al-muḥaddithīn* dalam menganalisis riwayat-riwayat berkaitan *al-Sīrah al-Nabawīyyah*.
- ii. Mengkaji penghasilan buku teks di Malaysia dari sudut penjagaan kualiti.
- iii. Menganalisis status fakta-fakta sirah Nabi Muhammad SAW dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu berdasarkan *manhaj al-muḥaddithīn*.

1.5 Kepentingan Kajian

Menganalisis sirah Nabi SAW berdasarkan *manhaj al-muḥaddithīn* adalah suatu usaha yang sangat penting. Ini kerana selain daripada hadith-hadith Nabi SAW yang lain, ia juga merupakan sesuatu yang disandarkan kepada Baginda SAW melalui proses periwayatan. Sirah bukan sekadar mengandungi riwayat hidup Rasulullah SAW, bahkan diambil daripadanya banyak pengajaran dan hukum agama. *Manhaj al-muḥaddithīn* pula adalah suatu jalan diikuti oleh para ulama hadith, melalui

panduan daripada al-Quran dan diwarisi daripada Rasulullah dan para sahabat. Menyedari ancaman terhadap fakta sirah disebabkan kesilapan dan penyelewengan menuntut para ilmuwan menganalisis ilmu sirah berdasarkan *manhaj al-muḥaddithīn*. Pengkaji melihat bahawa kajian ini amat penting untuk dilaksanakan atas sebab-sebab seperti berikut:

- i. Kajian ini dapat membantu pihak kerajaan melakukan penambahbaikan dalam aspek penjagaan kualiti buku teks dan menggalakkan usaha meningkatkan kualiti buku teks oleh semua pihak melalui proses semakan dan penilaian.
- ii. Kajian ini membantu menilai fakta-fakta sirah Nabi SAW yang terkandung dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu, seterusnya membantu memurnikan bahan sirah yang menjadi sukatan pelajaran murid-murid dan rujukan guru-guru.
- iii. Kajian ini dapat meningkatkan kesedaran pelbagai pihak yang berkaitan tentang kepentingan memastikan kesahihan fakta sirah.
- iv. Kajian ini dapat menggalakkan penggunaan manhaj *muḥaddithīn* dalam menganalisis riwayat sirah dan mendorong para pengkaji untuk menganalisis aspek sirah dan ilmu-ilmu agama yang lain berdasarkan manhaj *muḥaddithīn*.
- v. Kajian ini dapat menggalakkan dan membantu para pengkaji dalam membuat kajian lanjutan berkenaan sirah dan buku teks.

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini adalah berkaitan dengan tajuk “Analisis Sirah Nabi Muhammad SAW dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu Berdasarkan *Manhaj al-Muḥaddithīn*”. Selaras dengan tajuk ini, skop kajian adalah berkisar kepada tiga aspek utama. Pertamanya adalah berkaitan manhaj *muḥaddithīn* dalam menganalisis riwayat sirah. Aspek ini memfokuskan kepada manhaj para *muḥaddithīn* dalam melakukan kritikan

terhadap riwayat-riwayat. Kupasan terhadap aspek ini merangkumi sudut persejajaran, penyelewengan dan kesilapan dalam riwayat, manhaj kritikan *muḥaddithīn* secara umum, serta manhaj kritikan *muḥaddithīn* khusus terhadap riwayat sirah.

Aspek kedua pula adalah berkaitan proses penjagaan kualiti dalam penerbitan buku teks di Malaysia. Perbincangan berkaitan aspek ini merangkumi huraian definisi, sejarah, dasar dan kepentingan buku teks. Seterusnya pengkaji membincangkan proses penjagaan kualiti buku teks berdasarkan dapatan para pengkaji, sebelum membincangkan tentang proses penjagaan kualiti buku teks di Malaysia.

Aspek ketiga bagi skop kajian ini adalah berkaitan dengan usaha menganalisis fakta-fakta sirah dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu berdasarkan manhaj kritikan *muḥaddithīn* terhadap riwayat. Buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu yang menjadi bahan analisis ini merupakan cetakan tahun 2016 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Daripada buku ini pengkaji memfokuskan kepada pelajaran ke-24 yang bertajuk “Riwayat Hidup Nabi Muhammad SAW”, iaitu salah satu daripada tiga tajuk sirah yang terdapat dalam buku teks tersebut. Dalam tajuk ini sirah Nabi SAW dinyatakan secara umum dalam bentuk isi-isi penting yang dimuatkan dalam lapan halaman.

Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu dipilih kerana ia adalah sukatan permulaan kepada pembelajaran formal para pelajar peringkat menengah yang menjadi asas kepada sukatan pelajaran yang lebih mendalam di tingkatan berikutnya. Justifikasi pemilihan tajuk “Riwayat Hidup Nabi Muhammad SAW” ini pula adalah disebabkan ia menghidangkan sirah Nabi SAW secara keseluruhan iaitu dari awal kelahiran sehingga tarikh kematian. Pengkaji berpendapat bahawa tajuk ini dapat mewakili tajuk-tajuk sirah dalam buku-buku teks Pendidikan Islam yang lain dan membolehkan pengkaji mendapatkan gambaran umum tentang status sirah Nabi SAW yang disediakan dalam buku-buku teks.

Memandangkan fokus analisis ini adalah berkaitan peristiwa sirah Nabi SAW, terdapat beberapa kandungan dalam tajuk ini yang tidak termasuk dalam ruang lingkup perbahasan kajian iaitu; 1. Pengajaran-pengajaran yang dirumuskan daripada peristiwa-peristiwa sirah seperti yang terkandung dalam penyendal “Iktibar”; 2. Huraian tentang istilah seperti yang terdapat dalam penyendal “Galeri Kata”; 3. Huraian tentang sifat-sifat mulia Nabi SAW secara umum dan; 4. Huraian tentang jasa dan sumbangan Nabi SAW. Secara ringkasnya, pengkaji hanya memilih perkara-perkara yang bersifat fakta-fakta sirah yang terkandung dalam bidang sirah bagi buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu.

1.7 Kajian Terdahulu

Hasil pencarian terhadap kajian-kajian terdahulu sekitar tajuk “Analisis Riwayat Hidup Nabi Muhammad dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu Berdasarkan *Manhaj al-Muḥaddithīn*” membawa pengkaji menyoroti beberapa bidang kajian yang mempunyai perkaitan dengan kajian ini. Antaranya adalah kajian terhadap buku teks dan sukatan pembelajaran Pendidikan Islam, kajian terhadap aspek pemurnian sirah dan kajian terhadap *manhaj al-muḥaddithīn* dalam bidang sirah. Pecahan kajian-kajian tersebut adalah seperti berikut:

1.7.1 Kajian Terhadap Buku Teks dan Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam

Secara umumnya, meskipun telah wujud beberapa kajian terhadap buku teks dan sukatan pembelajaran pendidikan Islam, tetapi masih belum ada kajian berbentuk analisis terhadap mata pelajaran sirah yang terkandung dalam buku teks sekolah yang disediakan oleh pihak KPM. Pengkaji melihat bahawa hasil daripada kajian-kajian berikut memperlihatkan keperluan yang berterusan terhadap kajian ke atas buku-buku teks sekolah. Hussein Hj. Ahmad dalam jurnal “Pendidik dan Pendidikan”

menegaskan tentang pentingnya melaksanakan dasar-dasar yang lebih tegas dalam melakukan perencanaan terhadap KBSM bagi memastikan buku teks berkualiti tinggi dan mampu mencapai matlamat KBSM.²⁴

Keperluan buku teks dalam pembangunan negara menarik sebahagian pengkaji untuk mengkaji permasalahan buku teks daripada sudut penghasilan, ekonomi dan lain-lain. Antaranya adalah kajian peringkat sarjana oleh Mus Chairil Samani pada tahun 2003 yang menumpukan pada dasar, amalan dan ekonomi penerbitan dalam pembangunan buku teks.²⁵ Kajian yang hampir sama dilakukan oleh Zainora Muhamad yang juga merupakan kajian peringkat sarjana pada tahun 2003.²⁶ Namun tumpuan kajian Zainora Muhamad adalah pada buku sekolah yang bukan buku teks. Md. Sidin Ahmad Ishak dalam Jurnal Kajian Media Malaysia Jilid 11 pula cuba merungkai isu-isu dalam penyediaan dan pembekalan buku teks sekolah dari perspektif penerbit.²⁷ Daripada kajian-kajian ini secara umumnya dapat dirumuskan bahawa terdapatnya permasalahan dan ruang untuk penambahbaikan kepada buku teks daripada aspek penghasilan.

Namun, kajian peringkat sarjana oleh Rosmawati binti Jamaluddin pada tahun 2001 yang bertajuk "Analisis Kandungan Buku Teks Mata Pelajaran Teras Tingkatan 5 (KBSM): Kajian Terhadap Aspek Persembahan", menunjukkan bahawa buku teks juga terkandung kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki daripada semasa ke semasa.²⁸ Beliau menyatakan bahawa analisis terhadap penggunaan kaedah-kaedah penulisan yang terpilih turut memperlihatkan kelemahan penggunaannya dari

²⁴ Hussein Hj. Ahmad (1985). "Penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Menengah: Peranan Buku Teks dan Peperiksaan Dalam KBSM", Jurnal Pendidik dan Pendidikan, jil. 7, h. 1.

²⁵ Mus Chairil Samani (2003), "Pembangunan Buku Teks Sekolah di Malaysia: Dasar, Amalan dan Ekonomi Penerbitan", (Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

²⁶ Zainora Muhamad (2003), "Penerbitan dan Pengedaran Buku-Buku Sekolah di Malaysia: Kajian Terhadap Amalan, Permasalahan dan Penyelesaian", (Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

²⁷ Md. Sidin Ahmad Ishak (2009). "Perspektif Penerbit Tentang Isu-Isu Kritikal Dalam Penyediaan dan Pembekalan Buku Teks Sekolah di Malaysia", Jurnal Pengajian Media Malaysia, jil. 11, 2009.

²⁸ Rosmawati binti Jamaluddin (2001). *Op.cit.*

segi tatabahasa.²⁹ Dalam kajian ini juga beliau menyatakan bahawa banyak kajian telah dibuat terhadap buku teks sejak pelaksanaan KBSM, dan kajian-kajian ini lebih tertumpu kepada aspek kandungan dari persepsi guru, tatabahasa, persembahan, kesilapan fakta dan kebolehbacaan.³⁰ Namun hampir semua kajian pada ketika itu memfokuskan buku teks Bahasa Melayu di samping belum ada kajian analisis kandungan terhadap buku-buku teks mata pelajaran sains tulen termasuklah mata pelajaran Pendidikan Islam.³¹

Kajian ke atas buku teks kemudiannya semakin mendapat perhatian para pengkaji. Kajian ini merangkumi subjek-subjek yang pelbagai termasuklah Pendidikan Islam. Sebuah kajian analisis status hadith dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua KBSM dilakukan oleh oleh Norhasnira binti Ibrahim, Kauthar binti Abd Kadir dan Siti Nur 'Ain Zainul Ariffin. Hasil analisis mendapati daripada 49 buah hadith yang dimuatkan, terdapat 34 buah hadith *ṣaḥīḥ* (70%), 6 buah hadith berstatus *ḥasan ṣaḥīḥ* (12%), sebuah hadith berstatus *ḥasan ṣaḥīḥ gharīb* (2%), sebuah hadith *ḥasan* (2%), 6 hadith *da'īf* (12%) dan sebuah hadis *mawḍū'* (2%). Kajian ini menyeru pihak berwajib untuk melakukan semakan semula hadith-hadith yang terkandung dalam buku teks.³² Kajian ini dilanjutkan dengan sebuah kajian kes bertempat di Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Kajang, Selangor yang juga dilakukan oleh Siti Nur 'Ain Zainul Ariffin dan Norhasnira binti Ibrahim pada 2017. Kajian ini berkaitan kefahaman status hadith dalam buku teks Pendidikan Islam KBSM Tingkatan Satu dan Dua.³³

²⁹ *Ibid*, h. 107.

³⁰ *Ibid*, h. 37.

³¹ *Ibid*, h. 110-111.

³² Norhasnira binti Ibrahim, Kawthar binti Abd Kadir, Siti Nur 'Ain Zainul Ariffin (2015). "Analisis Status Hadis Dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua KBSM", *Jurnal Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, Vol. 10, h. 191.

³³ Siti Nur 'Ain Zainul Ariffin, Norhasnira binti Ibrahim (2017). "Kefahaman Status Hadis Dalam Buku Teks Pendidikan Islam KBSM Tingkatan Satu dan Dua", *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Special Issue (2017).

Pada tahun 2006, terdapat sebuah penyelidikan berkenaan sukatan dan keberkesanan pelajaran Sirah Rasul yang telah dilakukan oleh sebuah pasukan penyelidik yang diketuai oleh Nidzamuddin Zakaria di Daerah Sepang, Selangor.³⁴ Namun, kajian ini adalah kajian ke atas buku teks sekolah rendah agama. Antara hasil kajian ini adalah, kurikulum mata pelajaran sirah rasul ini tidak sunyi daripada kekurangan dan kesalahan melibatkan buku teks tahun tiga hingga tahun enam. Berbeza pula dengan kajian oleh Azhar bin Abdul Rahman yang cuba melihat sejarah Islam dalam pembelajaran Pendidikan Islam di Malaysia daripada sudut sumber dan pengaruh pemikiran orientalis terhadapnya.³⁵ Kajian ini adalah sejenis kajian lapangan dan berasaskan maklum balas responden. Kajian ini juga merangkumi pengetahuan responden terhadap sejarah Islam yang bersifat umum dan bukan pendidikan formal yang disediakan oleh pihak KPM.

Pada tahun 2019, terdapat satu artikel jurnal telah diterbitkan berjudul, "*Kepercayaan Terawal Manusia Menurut Sunnah: Analisis Terhadap Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu Terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia*". Artikel ini cuba menganalisis kepercayaan terawal manusia berdasarkan hadith-hadith Nabi SAW serta membandingkannya dengan fakta yang terkandung dalam buku teks Sejarah Tingkatan Satu Kementerian Pendidikan Malaysia yang memperlihatkan bahawa kepercayaan terawal manusia adalah animisme iaitu pemujaan kuasa alam. Kesimpulan daripada kajian ini adalah fakta yang terkandung dalam buku teks tersebut adalah tidak tepat kerana bercanggah dengan fakta yang terkandung dalam

³⁴ Nidzamuddin Zakaria, Adel M. Abdulaziz, Ahmad Kamel Mohamed (2006). "*Pelajaran Sirah Rasul di Sekolah Rendah Agama (Sra): Kajian Teroka Terhadap Sukatan dan Keberkesanannya di Daerah Sepang, Selangor*", (Laporan Penyelidikan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia), h. iii.

³⁵ Azhar bin Abdul Rahman (2003), "*Pengaruh Pemikiran Orientalis Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia: Suatu Kajian Mengenai Sumber-Sumber Sejarah Islam di Malaysia*", (Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

al-Quran dan sunnah yang menyatakan bahawa kepercayaan terawal manusia adalah tauhid.³⁶

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan dapat dilihat bahawa masih banyak kelompongan kajian yang boleh diisi oleh para pengkaji berkaitan buku teks. Oleh itu, kajian analisis terhadap mata pelajaran sirah ini diharapkan dapat mengisi ruang tersebut bagi meneruskan usaha menambahbaik kualiti buku teks yang menjadi sumber ilmu utama para pelajar.

1.7.2 Kajian Terhadap Aspek Pemurnian Sirah

Kajian terhadap aspek pemurnian sirah mempunyai perkaitan yang rapat dengan kajian ini. Terdapat banyak kajian atau penulisan dalam aspek ini, tetapi belum terdapat kajian pemurnian terhadap mata pelajaran sirah dalam buku teks KPM. Antara bentuk penulisan kitab atau kajian pemurnian sirah yang telah dijalankan adalah penulisan sirah berdasarkan al-Quran. Sebuah kajian peringkat kedoktoran telah dijalankan oleh Muḥammad bin Muṣṭafā ‘Abd al-Salām pada tahun 2010 bertajuk, “*al-Sīrah al-Nabawīyyah bayn al-Āthār al-Marwīyyah wa al-Āyāt al-Qur’āniyyah*”.³⁷ Kajian ini cuba menghubungkan riwayat-riwayat sirah dengan ayat-ayat al-Quran dengan tujuan untuk menjelaskan maksud ayat al-Quran yang mempunyai perkaitan dengan riwayat sirah serta mendapatkan manfaat daripada riwayat sirah tersebut.³⁸ Beliau juga turut menjelaskan bahawa kajian beliau tersebut adalah berdasarkan *manhaj al-muḥaddithīn*.³⁹ Sebelum kajian ini juga telah wujud penulisan kitab sirah bersumberkan al-Quran seperti kitab yang ditulis oleh

³⁶ Khayrulnazrin Nasir, Rahim KZ & Saifullah Mamat (2019). “Kepercayaan Terawal Manusia Menurut Sunnah: Analisis Terhadap Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu Terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia”, *Journal Hadis*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Vol. 9, h. 45.

³⁷ ‘Abd al-Salām, Muḥammad bin Muṣṭafā (2010). “*Al-Sīrah al-Nabawīyyah bayn al-Āthār al-Marwīyyah wa al-Āyāt al-Qur’āniyyah*”, (Tesis PhD., Kuliah al-Adāb, Universiti ‘Ayn Syams, Mesir)

³⁸ *Ibid*, h. 3.

³⁹ *Ibid*, h. 4.

Muhammad 'Izzah Darwazah (w. 1404H).⁴⁰ Namun kitab beliau lebih kepada gambaran-gambaran daripada al-Quran berkenaan dengan sirah Rasulullah SAW.

Selain daripada kajian pemurnian sirah bersumberkan al-Quran, terdapat banyak kitab sirah karangan para ulama yang beriltizam dengan riwayat-riwayat yang sahih daripada hadith dan *'āthār*. Walaupun tidak kesemua riwayat yang dibawa adalah sahih, tetapi mereka menyertakan sumber periwayatan dan ulasan. Antara kitab-kitab tersebut adalah kitab *al-Sīrah al-Nabawīyyah Kamā Jā'at Fī al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah* oleh al-Ṣūyāniy,⁴¹ *Ṣaḥīḥ al-Sīrah al-Nabawīyyah* oleh Ibrāhīm al-'Alīy (w. 1425H),⁴² *Ṣaḥīḥ al-Sīrah al-Nabawīyyah* oleh Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albāniy (w. 1420H),⁴³ *Ṣaḥīḥ al-Sīrah al-Nabawīyyah* oleh Muḥammad bin Rizq al-Ṭarhūniy⁴⁴ dan *al-Mawsū'ah fī Ṣaḥīḥ al-Sīrah al-Nabawīyyah* oleh Abū Ibrāhīm Muḥammad bin Ilyās al-Fālūdḥah.⁴⁵ Kitab karangan al-Ṣūyāniy tersebut kemudiannya disusuli oleh karangan beliau yang bertajuk, "*al-Ṣaḥīḥ min Aḥādīth al-Sīrah al-Nabawīyyah*" yang juga membincangkan tentang sirah bersandarkan kepada riwayat-riwayat yang sahih.⁴⁶

Terdapat juga kajian yang berusaha untuk membetulkan kesilapan yang berlaku dalam sirah Nabi SAW atau para Sahabat r.a. sebagaimana sebuah kajian peringkat sarjana yang ditulis oleh Mohd. Asri bin Zainul Abidin pada tahun 1997 yang bertajuk, "*al-Ṣaḥābah: Kontradiksi Antara Nas-Nas Islam Dengan Riwayat Sejarah*".⁴⁷ Dalam kajian ini beliau cuba membetulkan imej para Sahabat dalam gambaran

⁴⁰ Darwazah, Muhammad 'Izzah (t.t). *Sīrah al-Rasūl: Ṣuwar Muqtabasah min al-Qur'ān al-Karīm*, Beirut: Mansyūrāt al-Maktabah al-'Asriyyah.

⁴¹ Al-Ṣūyāniy, Muḥammad (2014). *Al-Sīrah al-Nabawīyyah Kamā Jā'at Fī al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah*, Riyād: Maktabah al-'Abīkān, c. 5.

⁴² Al-'Alīy, Ibrāhīm (1995). *Ṣaḥīḥ al-Sīrah al-Nabawīyyah*, Jordan: Dār al-Nafā'is.

⁴³ Al-Albāniy, Muḥammad Naṣīr al-Dīn (2000). *Ṣaḥīḥ al-Sīrah al-Nabawīyyah*, Jordan: al-Maktabah al-Islāmiyyah.

⁴⁴ Al-Ṭarhūniy, Muḥammad bin Rizq (1989). *Ṣaḥīḥ al-Sīrah al-Nabawīyyah*, Dār Ibn Taymiyyah li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr.

⁴⁵ Al-Fālūdḥah, Abū Ibrāhīm Muḥammad bin Ilyās (2002). *Al-Mawsū'ah fī Ṣaḥīḥ al-Sīrah al-Nabawīyyah*, Makkah: Maṭābi' al-Ṣafā.

⁴⁶ Al-Ṣūyāniy, Muḥammad (2011). *al-Ṣaḥīḥ min Aḥādīth al-Sīrah al-Nabawīyyah*, Riyād: Madār al-Waṭan.

⁴⁷ Mohd Asri Zainul Abidin (1997). "*Al-Ṣaḥābah: Kontradiksi Antara Nas-nas Islam Dengan Riwayat Sejarah*" (Tesis Sarjana, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia), h. 8.

sejarah yang kelihatan tidak selari dengan kenyataan nas-nas al-Quran dan hadith. Begitu juga Ahmad Abū Zayd dengan tajuk kajian beliau “*al-Sīrah al-Nabawīyyah, Dirāsah li Taṣḥīḥ al-Akḥṭā’ al-Wāridah fi al-Mawsū‘ah al-Islāmiyyah al-Sādirah ‘an Dār Brīl fi Laidan*”.⁴⁸ Kajian beliau bertujuan untuk membetulkan kesalahan fakta sirah yang terkandung dalam buku “*Encyclopedia of Islam*” yang diterbitkan oleh Syarikat Brill, Leiden, Belanda. Sementara itu Muḥammad bin ‘Abdullah al-‘Awsyan pula pernah mengarang kitab tentang fakta-fakta yang tidak *thābit* dalam sirah dan tersebar di kalangan umat Islam seperti penetapan tarikh kelahiran Nabi SAW dan sebagainya.⁴⁹

Penulisan-penulisan tersebut walaupun tidak menyatakan penggunaan *manhaj al-muḥaddithīn* dengan jelas, namun berusaha memastikan kesahihan fakta-fakta yang terkandung dalam sirah melalui rujukan terhadap al-Quran dan hadith. Walaupun begitu, kesemuanya tidak mempunyai sebarang perkaitan dengan buku teks yang menjadi bahan kajian pengkaji. Kajian ini yang cuba menganalisis sirah dalam buku teks berdasarkan *manhaj al-muḥaddithīn* boleh menjadi pemangkin kepada usaha-usaha pemurnian sirah yang giat dilaksanakan oleh para ulama.

1.7.3 Kajian Terhadap *Manhaj Al-Muḥaddithīn* dalam Bidang Sirah

Penggunaan *manhaj al-muḥaddithīn* dalam penulisan sirah sememangnya telah menjadi perbincangan dalam kalangan ilmuwan. Walaupun usaha mengaplikasi *manhaj al-muḥaddithīn* dalam penulisan sirah telah banyak dilaksanakan, namun masih belum wujud sebuah kajian yang menulis atau menganalisis sirah dalam buku

⁴⁸ Ahmad Abū Zayd (2004). *Al-Sīrah al-Nabawīyyah, Dirāsah li Taṣḥīḥ al-Akḥṭā’ al-Wāridah fi al-Mawsū‘ah al-Islāmiyyah al-Sādirah ‘an Dār Brīl fi Laidan*, Beirut: Dār al-Taqrīb.

⁴⁹ Al-‘Awsyan, Muḥammad bin ‘Abdullah (t.t). *Mā Syā‘ā wa Lam Yathbut fi al-Sīrah*, Riyāḍ: Dār al-Taybah.

teks berdasarkan *manhaj al-muḥaddithīn*. Berikut merupakan beberapa kajian yang berkaitan dengan *manhaj al-muḥaddithīn* dalam penulisan sirah.

Antara kajian terkini yang ditemui berkaitan aplikasi *manhaj al-muḥaddithīn* dalam ilmu sirah adalah kajian oleh Firman Solihin pada 2022 bertajuk “Relevansi dan Urgensi Aplikasi Metodologi Kritik Hadis Dalam Penelitian al-Sirah al-Nabawiyah”. Antara dapatan penting kajian ini menyatakan bahawa hadith dan sirah pada dasarnya adalah sama terutamanya daripada aspek sumber dan penggunaan sanad. Oleh itu, penggunaan kaedah kritikan hadith terhadap riwayat sirah bukan sekadar sesuai, malah amat penting.⁵⁰ Sementara itu, Wan Muhd Usaid Wan Subki dan Muhamad Rozaimi bin Ramle telah menghasilkan sebuah jurnal bertajuk, “*Metodologi Ibn Hajar dalam berinteraksi dengan riwayat al-Wāqidī untuk memperincikan Kisah Sirah*” pada tahun 2021. Kajian ini bertujuan untuk meneliti metodologi Ibn Hajar ketika berinteraksi dengan riwayat al-Wāqidī dalam ilmu sirah.⁵¹

Sebuah kajian ilmiah peringkat sarjana berjudul “*Metodologi Penerimaan Riwayat Sejarah Antara al-Bukhari Dan Ibn Ishaq: Kajian Perbandingan*” telah dihasilkan oleh Ahmad Saifuddin Yusof pada tahun 2012. Dalam kajian ini beliau telah membuat perbandingan antara *manhaj al-muḥaddithīn* yang diwakili oleh al-Bukhāriy dengan *manhaj al-mu’arrikhīn* yang diwakili oleh Ibn Ishāq.⁵² Antara dapatan kajian ini ialah Ibn Ishāq lebih mengutamakan kronologi manakala al-Bukhāriy lebih mementingkan sanad dan bersifat lebih objektif dalam periwayatan.⁵³ Sebelum kajian ini, telah terdapat penulisan kitab sirah yang membuat perbandingan antara fakta-fakta sirah daripada golongan *muḥaddithīn* dan golongan *mu’arrikhīn*. Ia ditulis oleh

⁵⁰ Solihin, Firman (2022). “*Relevansi dan Urgensi Aplikasi Metodologi Kritik Hadis Dalam Penelitian al-Sirah al-Nabawiyah*”, Tahdis: Jurnal Kajian Ilmu Al-Hadis, Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, bil. 12(2).

⁵¹ Wan Muhd Usaid & Muhamad Rozaimi (2021). “*Metodologi Ibn Hajar Dalam Berinteraksi Dengan Riwayat al-Wāqidī Untuk Memperincikan Kisah Sirah*”, Jurnal Hadis, Hadith and Aqidah Research Institute (INHAD), Kolej Universiti Islam Selangor.

⁵² Ahmad Saifuddin Bin Yusof (2012), “*Metodologi Penerimaan Riwayat Sejarah antara al-Bukhari dan Ibn Ishaq: Kajian Perbandingan*” (Tesis Sarjana, Jabatan al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

⁵³ *Ibid*, h. 200-201.

Sulaymān bin Ḥamd al-‘Awdah melalui kitab beliau “*al-Sīrah al-Nabawīyyah fī al-Ṣaḥīḥayn wa ‘inda Ibn Ishāq*”.⁵⁴ Muhammad Faisal Ismail pula telah membincangkan berkenaan keprihatinan ulama hadith terhadap sanad hadith dalam penulisan sirah dalam sebuah kajian peringkat sarjana.⁵⁵

Muḥammad ‘Abdullah ‘Uwayḍah dalam kitab beliau berjudul “*Manhaj al-Ta‘āmul Ma‘a al-Sīrah al-Nabawīyyah*”, menyatakan bahawa ilmu sirah berkisar kepada dua ilmu iaitu ilmu hadith dan ilmu sejarah. Kedua-duanya mempunyai manhaj dan kaedah tersendiri dalam menetapkan peristiwa-peristiwa sejarah.⁵⁶ ‘Abd al-Razzāq Hirmās pula dalam kajian beliau berjudul *Maṣādir al-Sīrah al-Nabawīyyah bayn al-Muḥaddithīn wa al-Mu‘arrikhīn* membincangkan beberapa perbezaan sumber dan manhaj antara ulama hadith dan ahli sejarah.⁵⁷

Sementara itu, terdapat beberapa kitab sirah yang menyatakan dengan jelas tentang manifestasi *manhaj al-muḥaddithīn* dalam penulisan mereka seperti kitab *al-Sīrah al-Nabawīyyah fī Ḍaw’ al-Maṣādir al-Aṣliyyah* oleh Mahdiy Rizqullāh Aḥmad,⁵⁸ *al-Sīrah al-Nabawīyyah fī Ḍaw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah* oleh Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (w. 1403H)⁵⁹ dan *al-Sīrah al-Nabawīyyah al-Ṣaḥīḥah* oleh Akram Ḍiyā’ al-‘Umariy.⁶⁰

Namun begitu setakat penelitian pengkaji, penulisan sirah berdasarkan *manhaj al-muḥaddithīn* seperti ini masih agak asing di Malaysia. Pengkaji melihat bahawa terdapat keperluan yang signifikan untuk menganalisis sirah Nabi SAW yang

⁵⁴ Ḥamd al-‘Awdah, Sulaymān (1993). *Al-Sīrah al-Nabawīyyah fī al-Ṣaḥīḥayn wa ‘inda Ibn Ishāq*, Arab Saudi: Jāmi‘ah al-Imām Muḥammad bin Sa‘ūd al-Islāmiyyah.

⁵⁵ Muhammad Faisal Ismail (2003), “*Keprihatinan Ulama Hadith Terhadap Sanad Hadith: Suatu Kajian Terhadap Aplikasinya Dalam Kitab al-Sīrah Al-Nabawīyyah, Karya Ibn Hishām*” (Tesis Sarjana, Jabatan Al-Quran Dan Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

⁵⁶ ‘Uwayḍah, Muḥammad ‘Abdullah (2001). *Manhaj al-Ta‘āmul ma‘a al-Sīrah al-Nabawīyyah*, Majallah al-Majma‘ al-‘Ilmiy, Jāmi‘ah al-Zarqā’ al-Ahliyyah, Baghdad, h. 156.

⁵⁷ Hirmās, ‘Abd al-Razzāq (2007). *Maṣādir al-Sīrah bayn al-Muḥaddithīn wa al-Mu‘arrikhīn*, Baḥṡ Muqaddam li Nayl Jā‘izah Nāyif bin ‘Abd al-‘Azīz al-Su‘ūd al-‘Ālamiyyah li al-Sunnah al-Nabawīyyah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah al-Mu‘āṣirah, h. 165.

⁵⁸ Aḥmad, Mahdiy Rizqullāh (1992). *Al-Sīrah al-Nabawīyyah fī Ḍaw’ al-Maṣādir al-Aṣliyyah*, Riyāḍ: Markaz al-Malik Fayṣal.

⁵⁹ Abū Syahbah, Muḥammad bin Muḥammad (1992). *Al-Sīrah al-Nabawīyyah fī Ḍaw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, Damsyik Dār al-Qalam.

⁶⁰ Al-‘Umariy, *al-Sīrah al-Nabawīyyah al-Ṣaḥīḥah*.

terkandung dalam buku teks berdasarkan *manhaj al-muḥaddithīn*. Usaha ini selain dapat memastikan sumber bagi setiap fakta, ia juga dapat menjelaskan status fakta-fakta tersebut berdasarkan pandangan *muḥaddithīn*. Ia juga diharap dapat membantu mengurangkan isu kesilapan dalam isi kandungan buku teks sekaligus meningkatkan keautoritian buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu.

1.8 Metodologi Kajian

Metodologi kajian sangat penting dalam memastikan kaedah-kaedah yang digunakan dapat mencapai objektif yang digariskan.⁶¹ Kajian ini adalah sejenis kajian kualitatif yang merujuk kepada suatu kajian yang cuba menjelaskan kualiti hubungan-hubungan, aktiviti-aktiviti, keadaan-keadaan atau bahan-bahan.⁶² Menurut Strauss dan Corbin sebagaimana yang dipetik oleh Ritchie dan Lewis, kajian kualitatif adalah sebarang jenis kajian yang menghasilkan penemuan yang tidak dicapai melalui prosedur statistik atau kaedah kuantifikasi yang lain.⁶³

Sementara itu, Cresswell cuba menggariskan beberapa ciri yang disifatkan sebagai kajian kualitatif yang baik. Ciri-ciri tersebut adalah:

1. Pengkaji mengaplikasikan prosedur pengumpulan data yang ketat.
2. Pengkaji merangka kajian dalam andaian dan ciri pendekatan kualitatif untuk penyelidikan. Ini termasuk ciri asas seperti reka bentuk yang berkembang, pembentangan pelbagai realiti, penyelidik sebagai instrumen pengumpulan data dan tumpuan pada pandangan peserta.

⁶¹ Ahmad Sunawari Long (2008). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam UKM, h. 42.

⁶² Fraenkel, Jack R. et al. (2012). *How to Design and Evaluate Research in Education*, New York: McGraw-Hill, h. 426.

⁶³ Ritchie, Jane & Lewis, Jane (2003). *Qualitative Research Practice: A Guide for Social Science Students and Researchers*, London: Sage Publications, h. 3.

3. Pengkaji menggunakan pendekatan inkuiri kualitatif. Penggunaan pendekatan yang diiktiraf untuk penyelidikan dapat meningkatkan ketegasan dan kecanggihan reka bentuk penyelidikan.
4. Pengkaji bermula dengan satu fokus atau konsep yang diterokai sebelum menggabungkan perbandingan dan analisis hubungan ketika kajian dijalankan.
5. Kajian yang dijalankan merangkumi kaedah terperinci yang merupakan pendekatan yang rapi untuk pengumpulan data, analisis data dan penulisan laporan.
6. Pengkaji menganalisis data menggunakan pelbagai peringkat abstraksi iaitu proses membentuk konsep umum daripada contoh yang khusus.
7. Pengkaji menulis secara persuasif supaya pembaca mengalami perasaan “berada di sana.”
8. Kajian yang dijalankan mencerminkan sejarah, budaya, dan pengalaman peribadi pengkaji. Ini lebih daripada sekadar autobiografi, dengan penulis atau pengkaji menceritakan tentang latar belakangnya.
9. Penyelidikan kualitatif yang baik adalah yang dilakukan dengan beretika.⁶⁴

Dalam kajian ini, pengkaji menetapkan beberapa metode yang digunakan dalam proses pengumpulan data dan analisis data. Huraian bagi metode-metode tersebut adalah sebagaimana berikut:

⁶⁴ Creswell, John W. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*, Thousand Oaks: Sage Publication, h. 53-55.

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Pengumpulan data bagi kajian ini melibatkan dua metode iaitu kajian kepustakaan dan temu bual. Huraian bagi kedua-dua metode ini adalah sebagaimana berikut:

1.8.1.1 Kajian Kepustakaan

Metode utama dalam pengumpulan data bagi kajian ini adalah metode kajian kepustakaan disebabkan ia berkaitan dengan analisis terhadap isi kandungan buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu berkaitan sirah Rasulullah SAW. Justeru, analisis terhadap fakta-fakta sirah berdasarkan manhaj kritikan para *muḥaddithīn* memerlukan pengkaji meneliti riwayat-riwayat yang berkaitan dengan fakta yang terkandung dalam sumber-sumber asal riwayat. Selain itu, kajian berkaitan *manhaj al-muḥaddithīn* juga memerlukan penelitian terhadap penulisan-penulisan para ulama. Begitu juga dengan kajian terhadap buku teks yang perlu merujuk kepada kajian-kajian terdahulu dan dokumen-dokumen berkaitan. Oleh itu, segala jenis kitab, tesis, jurnal, artikel dan pelbagai bentuk bahan bertulis yang lain merupakan sumber data bagi kajian ini.

Sumber primer kajian terdiri daripada kitab-kitab yang menjadi sumber asli ilmu sirah. Pertamanya adalah kitab-kitab tafsir khususnya yang bersanad, serta kitab-kitab *nuzūl al-Qur'ān*. Keduanya adalah kitab-kitab para *muḥaddithīn* seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*, *Ṣaḥīḥ Muslim* dan kitab-kitab lain daripada *al-Kutub al-Tis'ah* di samping kitab-kitab syarahannya. Ketiganya adalah kitab-kitab para *mu'arrikhīn* seperti kitab *al-Siyar wa al-Maghāziy* oleh Ibn Ishāq, *al-Maghāziy* oleh al-Wāqidiy, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā* oleh Ibn Sa'ad dan *Tārīkh al-'Umam wa al-Muluk* oleh al-Ṭabariy. Sumber sekunder bagi kajian ini pula terdiri daripada kitab-kitab yang mengumpulkan bahan daripada sumber asli. Ini termasuklah pelbagai jenis kitab hadith, kitab-kitab syarah hadith, kitab-kitab sirah dan kitab-kitab tafsir. Begitu juga kitab-kitab, tesis-

tesis, jurnal-jurnal serta sebarang bahan yang berkaitan dengan *manhaj al-muḥaddithīn* dan buku teks, atau apa-apa yang berkaitan dengan kajian.

Bahan-bahan ini sebahagian besarnya diperoleh dalam bentuk *e-book* iaitu buku elektronik yang menggunakan format pdf daripada pelbagai laman sesawang yang menyediakan bahan-bahan seperti ini khususnya kitab-kitab berbahasa arab yang banyak dimuat turun daripada laman *Waqfeya*. Bahan seperti ini juga banyak diperoleh dalam aplikasi *Google Play Books*. Selain itu, tesis-tesis juga banyak diperoleh dalam format ini khususnya daripada portal University of Malaya Students Repository yang menyediakan kemudahan memuat turun tesis penuh para pengkaji terdahulu. Bahan-bahan ini banyak membantu memudahkan carian selain menjimatkan masa dan kos.

Satu lagi platform penting yang menjadi rujukan adalah aplikasi-aplikasi yang mengumpulkan kitab-kitab dan menyediakan kemudahan carian perkataan. Aplikasi-aplikasi ini wujud dalam sistem *Windows* pada komputer atau sistem *Android* pada telefon pintar. Antara yang banyak membantu adalah aplikasi Maktabah Syamela yang terdapat dalam kedua-dua sistem sama ada *Windows* mahupun *Android*. Buku-buku fizikal pula diperoleh daripada beberapa perpustakaan utama seperti Perpustakaan Negara, Perpustakaan Tun Sri Lanang dan Perpustakaan Awam Taiping.

1.8.1.2 Kaedah Temu Bual

Selain kajian kepustakaan, kaedah temu bual juga digunakan bagi mendapatkan data dalam kajian ini. Kaedah ini digunakan dalam bab tiga bagi menyelidik proses kawalan mutu dalam penghasilan buku teks. Penggunaan kaedah temu bual dalam bab ini penting bagi memastikan maklumat yang ditemui berkaitan industri penghasilan buku teks di Malaysia hari ini adalah relevan, bersifat semasa dan terkini.

Ia juga penting disebabkan mendapatkan data berkaitan proses penghasilan buku teks menggunakan kaedah pemerhatian di lapangan memerlukan kos yang besar dan tempoh yang lama. Bahkan kebanyakan pengetahuan berkaitan penghasilan buku teks hanya dapat diperoleh melalui penglibatan dan pengalaman. Menurut Patton, temu bual terhadap orang ramai dilakukan bagi mendapatkan maklumat daripada mereka berkaitan perkara-perkara yang tidak dapat dilihat secara langsung seperti perasaan, pemikiran dan niat. Begitu juga dengan perkara-perkara yang telah berlaku pada masa lalu.⁶⁵ Kaedah temu bual dilihat dapat menyediakan gambaran yang lebih lengkap dan mendalam berbanding kaedah penyoalan yang lain.⁶⁶

Kaedah temu bual yang dilaksanakan bagi kajian ini adalah kaedah temu bual separa berstruktur. Ia adalah strategi pengumpulan data dengan menyoal informan menggunakan beberapa siri soalan yang telah dijangka atau ditetapkan tetapi bersifat terbuka. Ini membolehkan pengkaji mempunyai kawalan yang lebih ke atas topik berbanding temu bual tidak berstruktur, di samping membolehkan pengkaji memperolehi jawapan tanpa terikat dengan julat jawapan yang tetap sebagaimana yang terkandung dalam temu bual berstruktur.⁶⁷ Temu bual separa berstruktur amat berguna dalam persoalan kajian di mana konsep dan hubungan antara mereka secara relatifnya difahami dengan baik.⁶⁸

Dalam meraikan kepentingan kesahan data bagi kajian ini, pengkaji cuba meningkatkan kualiti instrumen yang digunakan dalam kajian. Menurut Fraenkel et al., kualiti instrumen yang digunakan dalam sesebuah kajian adalah sangat penting untuk diberikan perhatian kerana kesimpulan yang dibuat oleh pengkaji adalah hasil daripada maklumat yang diperoleh menggunakan instrumen tersebut. Kesahan pula

⁶⁵ Patton, Michael Quinn (2001). *Qualitative Research & Evaluation Methods*, Thousand Oaks: Sage Publication, h. 340-341.

⁶⁶ Guba, Egon G. & Lincoln, Yvonne S. (1981). *Effective Evaluation*, San Francisco: Jossey-Bass Publishers, h. 186-187.

⁶⁷ Given, Lisa M. (ed.) (2008). *The Sage Encyclopedia of Qualitative Research Methods*, Thousand Oaks: Sage Publication, h. 810.

⁶⁸ *Ibid*, h. 811.